

## [MAN 18] KAJIAN TERHADAP KEPERLUAN DAN PEMAHAMAN BERKAITAN PRODUK MAKANAN HALAL DI MALAYSIA

Gary Bennet<sup>1</sup> & Risyawati Mohamed Ismail<sup>2</sup>

<sup>1-2</sup>*Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik, Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM Sintok, Kedah*  
*ery\_maurer@yahoo.com<sup>1</sup>, risyawati@uum.edu.my<sup>2</sup>*

### ABSTRAK

*Pada masa sekarang telah banyak produk makanan yang dicipta dan dikeluarkan dalam perniagaan berasaskan makanan. Produk makanan halal merupakan salah satu daripadanya dan merupakan makanan yang mematuhi Syariah dalam Islam serta turut menjadi pilihan masyarakat bukan Islam. Kajian ini mengenalpasti adakah wujud keperluan dan pemahaman masyarakat terhadap produk halal. Responden dipilih secara rawak di seluruh Malaysia tanpa mengira agama dan bangsa iaitu seramai 100 responden. Kaedah utama yang digunakan ialah melalui pengedaran borang soal selidik untuk mendapatkan data. Terdapat dua perkara yang dititiberatkan dalam borang soal selidik iaitu keperluan logo halal dan pemahaman berkenaan dengan status produk makanan halal. Bagi mendapatkan maklumat berkenaan keperluan dan pemahaman produk makanan halal telah memilih dua kategori iaitu etnik dan tahap pendidikan responden sebagai kajian. Hasil dapatan kajian bahawa keperluan dan pemahaman dalam borang soal selidik telah menunjukkan keputusan yang positif daripada masyarakat tentang produk makanan halal. Secara keseluruhannya, mendapati bahawa majoriti responden memahami dan menyatakan bahawa makanan halal amatlah diperlukan dan sudah mula menjadi pilihan kebanyakan masyarakat Malaysia.*

**Kata kunci:** *status halal, keperluan halal, pemahaman halal*

### PENDAHULUAN

Kajian ini bertujuan mengetahui keperluan dan pemahaman terhadap produk makanan halal di Malaysia. Produk adalah sesuatu yang dapat ditawarkan ke dalam pasaran untuk dilihat, dipakai, dimiliki atau digunakan sehingga dapat memuaskan keinginan dan keperluan. HALAL berasal daripada kalimah Arab yang bermaksud dibenarkan atau dibolehkan oleh Hukum Syarak (Portal JAKIM, 2013). Makanan merupakan bahan-bahan yang boleh dicerna dan hampir semua makanan berasal dari sumber tumbuhan dan haiwan. Dalam kehidupan manusia seharian, makanan merupakan keperluan asasi yang sangat penting dalam kehidupan untuk memastikan kesihatan individu lebih terjamin di samping ia memberikan tenaga kepada manusia untuk melaksanakan pelbagai aktiviti (Aishah, 2003). Pengguna perlulah mempunyai pemahaman terhadap status produk makanan halal dengan mengetahui setiap kandungan bahan dalam makanan yang dimakan dan produk yang digunakan dan tidak hanya bergantung kepada akta serta pihak berkuasa. Kini di Malaysia produk halal telah menjadi keutamaan dalam pengeluaran sesuatu produk supaya di terima oleh masyarakat. Malahan produk halal turut semakin boleh diterima oleh pengguna bukan Islam. Penggunaan logo halal

juga sangat diperlukan supaya masyarakat dapat memastikan bahawa produk tersebut selamat dan tidak diragukan tahap kehalalannya.

### **PERNYATAAN MASALAH**

Terdapat beberapa aspek yang berkaitan tentang keperluan dan pemahaman terhadap status produk makanan halal di Malaysia. Sebagai sebuah negara yang berbilang kaum dan majmuk masyarakat Islam perlulah menjelaskan kepada masyarakat bukan Islam lebih mendalam tentang konsep halal-haram makanan mengikut perspektif Islam yang sebenarnya. Masyarakat Islam perlu mengubah tanggapan masyarakat bukan Islam bahawa makanan yang halal bukan makanan daripada khinzir sahaja tetapi juga meliputi pelbagai konsep lain yang perlu dijelaskan dengan lebih mendalam (Mohamad Syafiqe Abdul Rahim, *Majalah Cahaya*: <http://www.halal.gov.my/>).

Terdapat pelbagai produk makanan yang telah dipasarkan sekarang. Perkara ini kerana produk makanan sentiasa diperlukan oleh pengguna dan menjadi permintaan dalam kehidupan seharian. Pada masa kini semua masyarakat di Malaysia memerlukan produk makanan halal kerana wujud keraguan untuk membuat pilihan barangan terutama masyarakat muslim. Golongan peniaga yang rata-ratanya daripada etnik Cina mula sedar kepentingan halal dan menuntut supaya produk barangan mereka diberikan pengesahan halal sedangkan mereka majoritinya bukan penganut Islam (*Berita Harian*, 09 Mei 2006).

Selain itu, sejauhmana pemahaman masyarakat tentang produk makanan halal di Malaysia. Perkara ini supaya tidak berlaku salah faham dan mengapa produk makanan halal penting bagi masyarakat Islam. Kesedaran juga amat penting supaya masyarakat tidak ditipu dengan produk bertanda halal yang bukan logo halal sebenar. Menurut Yaakob, makanan terproses halal sekiranya ia memenuhi ciri-ciri berikut iaitu bahan-bahan mentah yang digunakan adalah halal, komponen ramuan dan aditif (bahan tambahan) adalah halal dan proses penghasilannya berdasarkan garis panduan Islam. Malangnya, dalam aspek pemakanan juga, perkembangan teknologi makanan menyebabkan banyak keraguan timbul mengenai soal sama ada bahan dan proses yang digunakan adalah halal dan bersih (*Utusan Malaysia*, 26 Mac 2005).

### **OBJEKTIF KAJIAN**

Dalam menjalankan sesuatu kajian, objektif kajian haruslah diberi perhatian memandangkan ia berfungsi sebagai suatu rangka rujuk bagi memastikan pelaksanaan kajian berjalan dengan lancar dan sistematik. Tujuan kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengkaji perlunya logo halal terhadap produk makanan bagi masyarakat Malaysia berdasarkan golongan etnik dan tahap pendidikan.
2. Mengkaji pemahaman terhadap status produk makanan halal dalam kalangan masyarakat Malaysia berdasarkan golongan etnik dan tahap pendidikan.

## PERSOALAN KAJIAN

1. Apakah terdapat kekerapan dan penjadualan silang terhadap keperluan logo halal pada produk makanan bagi masyarakat Malaysia berdasarkan golongan etnik dan tahap pendidikan?
2. Apakah terdapat kekerapan dan penjadualan silang berkaitan pemahaman terhadap status produk makanan halal dalam kalangan masyarakat Malaysia berdasarkan golongan etnik dan tahap pendidikan?

## KAJIAN LITERATUR

### **Konsep halal**

Islam mengajar umat muslim untuk mengambil produk yang halal. Berdasarkan pada hukum Islam ada tiga kategori produk untuk muslim iaitu halal, haram, dan Masbuh. Halal dalam bahasa arab bererti diterima, boleh digunakan, dan sah mengikut undang-undang (Yusoff, 2004). Oleh itu makanan daripada produk yang halal amat dititik beratkan oleh umat muslim. Perkataan halal ialah berasal daripada bahasa Arab yang bermaksud dibenarkan atau dibolehkan oleh Hukum Syarak. Dibolehkan (melakukan sesuatu) oleh undang-undang Islam, tidak ditegah oleh syarak, diperoleh atau dibuat dengan cara yang sah atau jujur (Kamus Dewan Bahasa). Mengikut Jabatan Agama Malaysia (Jakim), Konsep halal didefinisikan sebagai sesuatu yang diperbolehkan oleh hukum syariat (JAKIM, 2012).

### **Status produk makanan halal**

Masyarakat perlu berhati-hati dalam memilih produk makanan halal supaya tidak mudah terpedaya dengan tanda label selain label halal yang disahkan oleh Jakim. “Semua makanan yang dinyatakan dalam Jadual bersama-sama ini yang halal mengikut Perihal Dagangan (Penggunaan Perbahasaan “Halal”) (1975), tidak dibenarkan dibekalkan melainkan ianya ditanda label, tag atau lain-lain bentuk tanda yang menunjukkan bahawa makanan itu “Halal” (Perintah Perihal Dagangan (Penandaan Makanan) 1975)).

### **Keperluan**

Apa-apa yang diperlukan; apa-apa yang berguna atau yang penting: jika ada apa-apa, mintalah daripada kakakmu (Kamus pelajar edisi kedua). Kajian yang dijalankan oleh Soesilowati (2010) terhadap perilaku pengguna Muslim dan penggunaan makanan halal dalam kalangan umat Islam di Indonesia menunjukkan bahawa tahap kebimbangan mereka terhadap status makanan mempengaruhi tingkah laku pengambilan makanan halal.

### **Pemahaman**

Menurut Winkel dan Mukhtar (Sudaryono, 2012: 44), pemahaman adalah kemampuan seseorang untuk menangkap makna dan arti dari bahan yang dipelajari, yang dinyatakan dengan menguraikan isi pokok dari suatu bacaan atau mengubah data yang disajikan dalam bentuk tertentu ke bentuk yang lain.

## KAJIAN METODOLOGI

Kajian ini dilakukan terhadap masyarakat di Malaysia adakah keperluan logo halal dan status produk makanan halal penting. Dengan menggunakan status produk makanan halal sebagai rujukan untuk mengetahui pemahaman masyarakat Malaysia terhadap label halal dan status produk halal. Kaedah yang digunakan ialah persampelan dengan melalui pengedaran borang soal selidik secara talian iaitu emel, 'facebook' dan 'whatsapp' dengan mengambil seramai 100 responden yang dipilih secara rawak. Dalam kajian ini terdapat dua pemboleh ubah iaitu (a) bergantung iaitu keperluan dan pemahaman dan (b) tidak bergantung iaitu etnik dan pendidikan.

## ANALISIS DATA

Jadual 1 menunjukkan latar belakang responden yang telah menjawab soal selidik. Responden perempuan (n=63) yang telah menjawab ialah 63.0% lebih ramai berbanding responden lelaki (n=37) iaitu 37.0% daripada 100 responden. Jumlah responden etnik Melayu (n=78) adalah paling tinggi iaitu 78.0% diikuti oleh responden bumiputra Sabah dan Sarawak (n=17) iaitu 17.0%, selepas itu etnik India (n=3) iaitu 3.0 % dan etnik Cina (n=2) iaitu 2.0%. Bagi tahap pendidikan Sekolah Menengah (4.0%), Kolej (2.0%), Diploma (7.0%), Ijazah (85.0%), Sarjana (1.0%) dan Doktor Falsafah (1.0%).

**Jadual 1**  
Latar belakang responden

		Kekerapan	Peratus (%)
Jantina	Perempuan	37	37.0
	Lelaki	63	63.7
Etnik	Melayu	78	78.0
	Cina	2	2.0
	India	3	3.0
	Bumiputra Sabah dan Sarawak	17	17.0
Pendidikan	Sekolah Menengah	4	4.0
	Kolej	2	2.0
	Diploma	7	7.0
	Ijazah	85	85.0
	Sarjana	1	1.0
	Doktor Falsafah	1	1.0

Jadual 2 menunjukkan keperluan dan pemahaman logo halal terhadap produk makanan di Malaysia. Dalam kajian ini tiada logo halal yang digunakan hanya pernyataan "makanan halal disediakan oleh restoran yang memaparkan logo halal". Responden telah dikategorikan kepada dua dengan mengikut etnik dan tahap pendidikan. Etnik Melayu responden paling ramai iaitu 78 responden, 9 responden mengatakan sangat tidak setuju, 1 responden tidak setuju, 3 responden sedikit tidak setuju, 9 responden tidak pasti, 11 responden sedikit setuju, 18 responden setuju dan 27 responden sangat setuju dengan pernyataan tersebut. Diikuti etnik Cina terdapat 2 responden, 1 responden menyatakan sedikit setuju dan 1 responden sangat setuju. Bagi etnik India pula daripada 3 responden hanya 1 responden tidak pasti dan lagi 2 responden menyatakan sangat

setuju. Daripada 17 responden ialah dari Bumiputra Sabah dan Sarawak 2 responden menyatakan tidak setuju, 2 responden tidak pasti, 4 responden sedikit setuju, 3 responden lagi setuju dan 6 responden sangat setuju.

Bagi tahap pendidikan pula sekolah menengah terdapat 4 responden iaitu 1 responden menyatakan tidak pasti sementara itu 2 responden setuju dan 1 responden sangat setuju. Tahap pendidikan kolej pula ialah 2 responden iaitu 1 responden setuju dan 1 responden sangat setuju. Diploma terdapat 7 responden iaitu 1 responden tidak pasti, 1 responden sedikit setuju dan 5 responden menyatakan sangat setuju. Responden yang paling ramai ialah tahap pendidikan Ijazah iaitu 85 responden, 9 responden menyatakan sangat tidak setuju, 3 responden tidak setuju, 3 responden sedikit tidak setuju, 10 responden pula tidak pasti, 15 responden sedikit setuju, 18 responden setuju dan lagi 27 responden sangat setuju. Sarjana dan Doktor Falsafah sama-sama terdapat 1 responden dan menyatakan sangat setuju. Daripada jawapan yang dipilih oleh responden dapat dijelaskan bahawa sebahagian masyarakat Malaysia memahami tentang keperluan logo halal digunakan pada restoran dan produk makanan.

**Jadual 2**

Taburan kekerapan terhadap keperluan logo halal pada produk makanan bagi masyarakat Malaysia berdasarkan golongan etnik dan tahap pendidikan

Bil	Penyataan	Kategori	Sts	TS	STS	TP	ss	S	SS	Jumlah	
1	Makanan halal disediakan oleh restoran yang memaparkan logo Halal	Etnik	Melayu	9	1	3	9	11	18	27	78
			Cina	0	0	0	0	1	0	1	2
			India	0	0	0	1	0	0	2	3
			Bumiputra Sabah dan Sarawak	0	2	0	2	4	3	6	17
		Pendidikan	Sekolah menengah	0	0	0	1	0	2	1	4
			Kolej	0	0	0	0	0	1	1	2
			Diploma	0	0	0	1	1	0	5	7
			Ijazah	9	3	3	10	15	18	27	85
			Sarjana	0	0	0	0	0	0	1	1
			Doktor Falsafah	0	0	0	0	0	0	1	1

**Petunjuk:** (sts) Sangat tidak setuju, (TS) Tidak setuju, (STS) Sedikit tidak setuju, (TP) Tidak pasti, (ss) Sedikit setuju, (S) Setuju, (SS) Sangat setuju

Jadual 3 menunjukkan kemahaman responden terhadap status halal produk makanan di restoran berdasarkan golongan etnik dan tahap pendidikan. Pernyataan yang diberikan ialah “Saya dapati mesej/maklumat yang terdapat didalam risalah berkaitan dengan status Halal sesebuah restoran adalah...” Seramai 100 responden telah menjawab borang soal selidik tersebut dimana etnik Melayu mewakili 78 responden, 9 responden menyatakan sukar dipercayai, 6 responden memilih agak sukar dipercayai, 4 responden pula sedikit sukar dipercayai, seterusnya 20 responden tidak pasti, 27 menyatakan sedikit dipercayai, 6 responden memilih agak dipercayai dan 6 responden pula memilih dipercayai. Etnik Cina hanya 2 responden dan kedua-duanya menyatakan dipercayai. Bagi etnik India pula terdapat 3 responden dan masing-masing memilih sedikit dipercayai, agak dipercayai dan dipercayai. Untuk etnik Bumiputra Sabah dan Sarawak daripada 17 responden, 1 responden memilih sukar dipercayai, 1 responden memilih agak sukar dipercayai, 1 responden lagi sedikit sukar dipercayai, terdapat 4 responden

memilih tidak pasti, 5 responden menyatakan sedikit dipercayai, 4 responden pula memilih agak dipercayai dan 1 responden memilih dipercayai.

Bagi tahap pendidikan peringkat sekolah menengah terdapat 4 responden yang mana 3 responden memilih sedikit dipercayai dan 1 responden memilih agak dipercayai. Kolej hanya 2 responden iaitu 1 responden memilih sedikit dipercayai dan 1 responden lagi memilih dipercayai. Diploma pula 2 responden memilih tidak pasti, 1 responden memilih sedikit dipercayai, 1 responden memilih agak dipercayai dan 3 responden menyatakan dipercayai daripada 7 responden. Ijazah merupakan paling ramai iaitu 85 responden, 10 responden menyatakan sukar dipercayai, 7 responden memilih agak sukar dipercayai, 5 responden memilih sedikit sukar dipercayai, bagi tidak pasti pula 22 responden telah memilih, 27 responden memilih sedikit dipercayai, 9 responden memilih agak dipercayai dan lagi 5 responden pula memilih dipercayai. Sarjana hanya mempunyai 1 responden dan telah memilih sedikit dipercayai dan Doktor falsafah juga 1 responden di mana telah memilih dipercayai. Daripada jawapan responden yang telah menjawab pernyataan Jadual 3 didapati majoriti responden memilih tidak pasti dan sedikit dipercayai. Walaupun terdapat responden yang memilih jawapan lain mengikut pemahaman masing-masing.

**Jadual 3**

Taburan kekerapan pemahaman terhadap status halal produk makanan di restoran bagi masyarakat Malaysia berdasarkan golongan etnik dan tahap pendidikan

Bil	Penyataan	Kategori	Sts	TS	STS	TP	ss	S	SS	Jumlah		
1	Saya dapati mesej/maklumat yang terdapat didalam risalah berkaitan dengan status Halal sesebuah restoran adalah...	Etnik	Melayu	9	6	4	20	27	6	6	78	
			Cina	0	0	0	0	0	0	2	2	
			India	0	0	0	0	1	1	1	3	
			Bumiputra Sabah dan Sarawak	1	1	1	4	5	4	1	17	
		Pendidikan	Sekolah menengah	Kolej	0	0	0	0	3	1	0	4
				Diploma	0	0	0	2	1	1	3	7
				Ijazah	10	7	5	22	27	9	5	85
				Sarjana	0	0	0	0	1	0	0	1
				Doktor	0	0	0	0	0	0	1	1
				Falsafah								

**Petunjuk:** (SD) Sukar dipercayai, (ASD) Agak sukar dipercayai, (SSD) Sedikit sukar dipercayai, (TP) Tidak pasti, (sd) Sedikit dipercayai, (AD) Agak dipercayai, (D) Dipercayai

Jadual 4 menunjukkan hasil daripada soalan pernyataan berkaitan pemahaman produk makanan sama ada produk makanan tersebut adalah halal. Dua pernyataan yang diberikan iaitu “Kek yang menggunakan alkohol sebagai bahan adunan” dan “Sirip ikan yu”. Responden dalam jadual berdasarkan kategori etnik dan pendidikan. Bagi pernyataan 1 etnik Melayu yang menjawab betul ialah 1 responden dan 77 responden yang lain menjawab salah. Etnik Cina pula 1 responden menjawab betul dan 1 responden lagi menjawab salah daripada 2 responden. Bagi etnik India 3 responden memilih salah. Bumiputra Sabah dan Sarawak yang daripada 17 responden hanya 1 responden menjawab betul dan selebihnya 16 responden menjawab salah. Tahap pendidikan pula sekolah menengah daripada 4 responden 1 responden menjawab betul

dan 3 responden menjawab salah. Kolej yang hanya 2 responden menjawab salah dan begitu juga Diploma yang hanya 7 responden turut menjawab salah. Bagi tahap Ijazah pula daripada 85 responden hanya 1 responden menjawab betul dan selebihnya 84 responden menjawab salah. Sarjana 1 responden menjawab salah dan Doktor Falsafah 1 responden menjawab betul. Daripada jawapan responden majoriti menjawab bahawa “kek yang menggunakan alkohol sebagai bahan adunan” sebagai produk makanan halal adalah salah.

**Jadual 4**

Taburan kekerapan pemahaman halal terhadap produk makanan bagi masyarakat Malaysia berdasarkan golongan etnik dan tahap pendidikan

Bil	Penyataan	Kategori	Betul	Salah	Jumlah			
1	Kek yang menggunakan alkohol sebagai bahan adunan	Etnik	Melayu	1	77	78		
			Cina	1	1	2		
			India	0	3	3		
			Bumiputra Sabah dan Sarawak	1	16	17		
			Pendidikan	Sekolah menengah	1	3	4	
				Kolej	0	2	2	
				Diploma	0	7	7	
		Ijazah		1	84	85		
		Sarjana		0	1	1		
		Doktor		1	0	1		
		Falsafah						
		2	Sirip ikan yu	Etnik	Melayu	57	21	78
					Cina	2	0	2
					India	3	0	3
Bumiputra Sabah dan Sarawak	11				6	17		
Pendidikan	Sekolah menengah				2	2	4	
	Kolej				2	0	2	
	Diploma				6	1	7	
	Ijazah			62	23	85		
	Sarjana			1	0	1		
	Doktor			0	1	1		
	Falsafah							

Berdasarkan pernyataan 2, sebahagian Etnik melayu telah menjawab betul iaitu seramai 57 responden berbanding 21 responden yang menjawab salah bagi soalan “sirip ikan yu” adalah halal. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa etnik Cina daripada 2 responden dan India daripada 3 responden telah memilih betul bagi soalan pernyataan 1. Bumiputra Sabah dan Sarawak daripada 17 responden yang memilih betul ialah 11 responden dan 6 responden telah memilih salah. Dapatan kajian bagi tahap pendidikan sekolah menengah daripada 4 responden yang menjawab 2 responden memilih betul dan 2 responden memilih salah. Kolej pula 2 responden memilih betul bahawa sirip ikan yu adalah halal. Bagi Diploma daripada 7 responden, 6 responden telah memilih

betul dan 1 responden memilih salah. Peringkat Ijazah merupakan paling ramai iaitu 85 responden dimana daripada jumlah tersebut 62 responden memilih betul dan 23 responden memilih salah. Sarjana hanya 1 responden telah memilih betul manakala Doktor Falsafah juga hanya 1 responden telah memilih salah. Daripada dapatan kajian pernyataan 2 menunjukkan bahawa majoriti menjawab bahawa “sirip ikan yu” adalah halal dengan memilih betul.

## **PERBINCANGAN**

Dalam kajian ini terdapat dua persoalan yang dinyatakan iaitu kekerapan dan penjadualan silang terhadap keperluan logo halal pada produk makanan bagi masyarakat Malaysia berdasarkan golongan etnik dan tahap pendidikan. Hasil yang diperolehi ialah menunjukkan bahawa logo halal amat perlu pada produk makanan kerana majoriti masyarakat di Malaysia ialah beragama Islam. Manakala bagi tahap pendidikan pula rata-rata responden menyatakan perlu sama ada dari sekolah menengah hingga Doktor Falsafah.

Bagi kekerapan dan penjadualan silang berkaitan pemahaman terhadap status produk makanan halal dalam kalangan masyarakat Malaysia berdasarkan golongan etnik dan tahap pendidikan pula menunjukkan bahawa golongan etnik Melayu lebih memahami berkenaan status produk makanan halal berbanding etnik lain. Bagi tahap pendidikan pula menunjukkan responden berbeza pendapat mengenai status produk halal.

Cadangan untuk penyelidikan yang akan datang berkenaan produk makanan halal ialah menjadikan masyarakat bukan Islam di Malaysia sebagai responden. Kerana majoriti masyarakat Islam lebih memahami dan menjadikan logo halal sebagai satu keperluan dan penting berkenaan makanan.

## **KESIMPULAN**

Keperluan logo halal di Malaysia adalah penting kerana majoriti penduduk ialah beragama Islam. Logo halal hanya dikeluarkan oleh JAKIM (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia). Pemahaman status produk makanan halal menurut pandangan agama Islam dapat memberikan masyarakat bukan Islam mengetahui pelbagai jenis makanan yang halal dan haram bagi masyarakat beragama Islam. Disamping itu produk makanan halal turut menjadi pilihan masyarakat Malaysia pada masa kini tanpa mengira agama, bangsa dan pendidikan. Daripada dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa jawapan yang diberikan oleh responden berbeza sama ada untuk keperluan dan pemahaman produk makanan halal atau pun logo halal. Kajian ini lebih fokus kepada golongan etnik dan tahap pendidikan sebagai responden.

## **RUJUKAN**

Bakar, A. R. (2014). People’s Awareness on Halal Foods and Products: Potential Issues for Policy-Makers. 3-25.



- Industri Makanan & Sumber Lestari*. (n.d.). Retrieved from Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia: <http://www.mida.gov.my/home/food-technology-and-sustainable-resources/posts/>.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia*. (n.d.). Retrieved from Portal Rasmi Halal Malaysia: <http://www.halal.gov.my/v4/>.
- Jabatan Penerangan Malaysia*. (n.d.). Retrieved from Akta Perihal Dagangan 1972: <http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/agama/67-akta-perihal-dagangan-1972.html>.
- Kamus Bahasa Melayu*. (n.d.). Retrieved from Pusat Rujukan Persuratan Melayu: <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=keperluan#>.
- Muchlisin, N. H. (2014). Pengaruh Label Halal pada Makanan terhadap Konsumsi Mahasiswa Fakultas Agama Islam Universitas Muhammadiyah Surakarta. 57-66.
- Nor Aini Haji Idris, M. A. (2013). Analisis Keprihatinan Pengguna Muslim Terhadap Isu Halal-Haram Produk Melalui Pembentukan Indeks. *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VIII (PERKEM VIII)* (pp. 1245 - 12). Pusat Pengajian Ekonomi, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Riza Mohd Suradi, N. A. (2015). Tanggapan dan Faktor Penentu Pemilihan Makanan Halal. 75-88.
- Sudjana, N. (1995). Penilaian Hasil Proses Belajar Mengajar. *Bandung: PT. Remaja Rosdakarya*, 24.